

ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB PENDIDIK DALAM PROFESION PERGURUAN DAN CABARAN PENDIDIK MASA KINI

Nurlina Mohd Puad, Mohd Daud Awang &
Ahmad Nasir Mohd Yusoff

ABSTRAK

Profesion perguruan atau bekerja sebagai guru adalah antara beberapa jenis pekerjaan yang penting dalam proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Profesion perguruan merupakan profesion paling utama di dalam proses penyerapan ilmu pengetahuan kepada individu dan masyarakat. Dalam era globalisasi sekarang, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar. Golongan guru hendaklah memastikan martabat perguruan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa ke tahap yang lebih tinggi dan dihormati seterusnya dapat merealisasikan Misi Nasional seperti yang digariskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Guru juga merupakan saluran untuk murid mewujudkan pemikiran yang kritis dan kreatif bagi membentuk jati diri yang sempurna agar dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Dalam usaha meningkatkan martabat profesion perguruan yang cemerlang, Kementerian Pendidikan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan memastikan semua guru menjalani pelbagai kemahiran dan latihan yang sesuai mengikut arus globalisasi masa kini.

Kata kunci: Pendidik, Profesion perguruan, Nilai-nilai Islam, Etika

ETHICS, RESPONSIBILITY AND UPCOMING CHALLENGE IN TEACHING PROFESSIONS

ABSTRACT

Teaching profession is a significant profession for human, society and state development. Undoubtedly, this ultimate profession as a process of absorption of knowledge to individuals and communities profession in providing knowledge to the individuals and society. Hence, in this globalization era, the role of a teacher has becoming more complex and challenging. Their responsibility to ensure that teaching profession shall be respected and constantly improved to the highest level in order to realize the National Mission as being introduced by

our Y.A.B Prime Minister in 'The 9th Malaysia Plan'. Teachers also as a role model for their pupils to create a critical and creative thinking as to build their own identity and devoted to their religion, race and nation. Therefore, in creating several efforts to improve the credibility of this profession, Ministry of Education has provided various facilities to ensure that the teachers undergo various skills and appropriate trainings.

Keywords: *Teacher, Teaching profession, Islamic values, Ethic*

PENGENALAN

Dalam peredaran masa yang sangat pantas, era pembelajaran dan pengajaran juga telah berubah dari masa ke semasa mengikut peredaran zaman dan keperluan pendidikan pada masa sekarang. Perkembangan dalam pendidikan juga sejajar dengan pembangunan dan pemecutan ekonomi negara. Ini kerana, matlamat kepada semua mata pelajaran bertujuan membentuk individu yang berfikiran sistematik dan berketerampilan mengaplikasikan pengetahuan serta tanggungjawab dengan lebih berkesan dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, supaya mereka berupaya menangani cabaran dalam kehidupan yang bersesuaian dengan perkembangan sains dan teknologi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Setiap pengajaran ke atas semua subjek yang berkesan datangnya dari pengajaran yang sesuai serta berkualiti mengikut sistem serta standard pengajaran sekarang (Nor'Ain Noorshah, Zulkifley, Muzirah & Lim, 2010). Sekiranya murid tidak menguasai sesuatu subjek, mereka akan berasa tertekan untuk mengaplikasikan apa yang mereka belajar dalam kehidupan seharian. Masalah ini berpunca apabila subjek yang mereka cuba untuk memahami dilihat sebagai mata pelajaran yang tidak bermakna dan tidak mempunyai perkaitan secara langsung dengan kehidupan seharian. (Wan Zah, Sharifah Kartini, Habsah, Ramlah, Mat Rofa, Mohd Majid & Rohani, 2005).

ETIKA PERGURUAN

Etika guru juga adalah salah satu faktor dalam kefahaman terhadap tanggungjawab profesion perguruan dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan pendidik. Etika adalah aspek yang berkaitan dengan tingkah laku seseorang yang diterima dan dipersetujui oleh sekumpulan masyarakat. Menurut Shukri Ahmad & Razali Mat Zin

(2001), etika merujuk kepada prinsip-prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Etika menggambarkan nilai-nilai baik yang harus diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat. Tingkah laku yang dikatakan beretika adalah tingkah laku yang baik, mengandungi nilai-nilai murni dan boleh menjamin kesempurnaan dan keharmonian hidup individu dalam kumpulannya.

Guru perlu sentiasa bekerja dengan ikhlas dan bertanggungjawab terhadap agama dan negara. Di samping itu, sebagai penjawat awam, guru atau pendidik haruslah dapat menyumbang kepada pembangunan negara dan bidang profesion perguruan. Secara umumnya, dengan perlakuan yang baik, cara bekerja seseorang individu dapat mencapai hasil yang berkualiti di samping memperbaiki imej organisasi. Oleh itu sebagai warga Kementerian Pelajaran Malaysia kita perlu menunjukkan penampilan diri, pertuturan dan perbuatan yang terbaik sepanjang masa (Choong Lean Keow, 2008).

Etika kerja guru diwujudkan adalah untuk mengawal tingkah laku para guru agar mereka dapat menggunakan segala pengetahuan, kepakaran serta kemahiran yang ada untuk kebaikan semua pihak. Menurut Abdul Shukor (1999), asuhan guru yang berkesan meninggalkan ingatan dan menjadi amalan yang berpanjangan terhadap mereka. Antara prinsip-prinsip asas etika kerja yang digariskan dalam profesion perguruan adalah:

1. Niat yang betul
2. Perlakuan yang baik
3. Penggerak ke arah kebaikan
4. Memperkotakan apa yang dikata
5. Berdisiplin dan beradab

Begitu juga dengan nilai-nilai utama yang difokuskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang digariskan kepada guru sebagai panduan adalah:

1. Amanah
2. Benar
3. Bijaksana
4. Bersyukur
5. Dedikasi

6. Ikhlas

7. Penyayang

PERANAN PENDIDIK

Pada tahun 1994, Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah ditukarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Manakala Kurikulum Baru Sekolah Menengah juga ditukarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1998). Perubahan ini berlaku sejajar dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1994. Tujuan utama pendidikan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah ialah memudahkan pelajar membina pelbagai konsep dan menguasai kemahiran asas seperti mengira, membuat keputusan dan sebagainya. Ia juga diharapkan murid dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian.

Bagi meningkatkan kualiti pendidikan agar lebih relevan dengan abad ke-21, kerajaan telah memperkenalkan kurikulum baru di sekolah rendah dan sekolah menengah. Transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diperkenalkan bagi menggantikan KBSR. Transformasi Kurikulum ini yang diguna pakai oleh murid pada masa sekarang. Dalam Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia (2013-2025). KSSR masih mengekalkan prinsip KBSR iaitu perkembangan individu secara menyeluruh, pendidikan yang sama untuk semua murid, pendekatan bersepadu dan pendidikan seumur hidup.

Dalam KSSR, penggunaan standard diguna pakai adalah berpandukan Dokumen Standard Kandungan dan Dokumen Standard Pembelajaran. “KSSR digubal dalam bentuk pernyataan standard. Pernyataan standard terdiri daripada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid dalam suatu tempoh dan tahap persekolahan” (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM-2011).

Selain itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah usaha untuk mengembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia,

bertanggungjawab dan berkeupayaan memajukan diri, keluarga dan negara serta menyumbang kepada keamanan dan keharmonian masyarakat dan negara. Individu yang berkualiti yang dimaksudkan ialah modal insan yang ingin diwujudkan dalam masyarakat Malaysia yang memenuhi keperluan negara untuk mencapai status sebagai negara maju (Kementerian Pelajaran Malaysia: Pusat Perkembangan Kurikulum 2001).

Zailan Moris (2007), menyatakan satu konsep asas yang terkandung dalam FPK ialah tentang ilmu, nilai ilmu dan peranan ilmu dalam pembangunan insan dan masyarakat. Nilai ilmu terletak pada kebenaran kandungan yang berfungsi bukan sahaja untuk memaklumkan dan menerangkan kepada manusia akan sesuatu, tetapi lebih penting lagi ilmu mempengaruhi, mengubah dan membentuk diri serta masyarakat manusia. Fungsi ilmu yang boleh mengubah manusia dan masyarakat inilah yang menjadikan sesuatu yang amat tinggi nilainya.

Tambahan lagi, pendidikan ialah satu proses dan aktiviti sepanjang hayat dan manusia sentiasa berada dalam keadaan memerlukan peluasan, pendalaman dan pengesahan kepada ilmu yang ada. Pengalaman bukan sahaja boleh memperkaya dan mengukuhkan ilmu tetapi juga mencabar dan mengubah ilmu yang sedia ada

Umum mengetahui, bidang pendidikan mengalami transformasi yang hebat dalam melahirkan mutu pendidikan yang terbaik ke arah melahirkan lebih ramai pelajar yang berkualiti dari aspek pengetahuan mahupun dari aspek rohani dan jasmani. Justeru, guru perlulah bijak menggunakan pelbagai teknik dan strategi pengajaran seiring dengan perkembangan semasa dalam arus pendidikan.

Transformasi Nasional 2050 (TN50) telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Dato Seri Najib Tun Razak pada tahun 19 Januari 2017 sebagai kesinambungan Wawasan 2020. TN50 adalah satu usaha untuk membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2020 sehingga 2050. Dari sebuah negara maju, kita harus menyasar untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dari segi ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

Dalam usaha mencapai matlamat TN50, kemajuan dalam bidang pendidikan haruslah bergerak pantas, seiring dengan perkembangan era globalisasi. Kedatangan era globalisasi ternyata telah meletakkan Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran. Dan salah satu hakikat yang perlu didepani oleh negara Malaysia ialah dengan meningkatkan daya saing dan mempunyai kualiti pendidikan bertaraf dunia.

CABARAN PENDIDIK MASA KINI

Dunia pendidikan hari ini berdepan dengan pelbagai cabaran monumental, yang menuntut perubahan struktural dan anjakan paradigma bagi terus kekal relevan dan dihormati. Pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan pesat dari segi misi dan visi, kandungan kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, serta bentuk-bentuk penilaian dan pengukuran. Semua perubahan dalam sistem pendidikan di negara ini telah dilakukan dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti dan juga mutu pendidikan. Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa guru merupakan tunjang dan penggerak utama bagi menjayakan misi dan visi pendidikan negara. Malah sejak dari tahun 1980 lagi, Ornstein dan Miller telah menakrifkan guru sebagai individu yang diberikan tanggungjawab oleh masyarakat untuk mendidik anak-anak ke arah kedewasaan. Jadi sekiranya guru benar-benar ingin dianggap sebagai agen perubahan sosial, maka guru-guru juga perlu “dibentuk” dengan baik sebelum mereka dapat “membentuk” orang lain.

Sistem pendidikan negara kita memerlukan guru-guru yang mempunyai komitmen, dedikasi dan kesungguhan di samping keperibadian dan budi pekerti yang mampu menjadi tauladan kepada anak didik mereka. Guru yang berdedikasi dan bersahsiah tinggi amat diperlukan dalam sistem pendidikan bagi melahirkan insan yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, intelek dan rohani (Mas Ayu et. al. 2015). Hal ini tidak jauh bezanya dengan tanggapan Yaakub Isa (1994), yang menganggap guru sebagai orang yang mampu mengajar atau mendidik dengan baik bagi mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan.

Bagi menjamin kualiti sistem pendidikan negara, organisasi pendidikan mestilah memainkan fungsinya secara berkesan. Memahami perkaitan antara motivasi guru, kepuasan kerja dan hubungannya dengan prestasi kerja guru di sekolah merupakan asas

kepada usaha peningkatan produktiviti. Asas ini seterusnya akan dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia merancang dan membangunkan skim ganjaran dan pengurusan organisasi, di samping menggunakan sepenuhnya pengetahuan dan kemahiran yang ada pada guru untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sebarang perubahan amalan pengurusan sumber manusia yang bertujuan mempertingkatkan produktiviti pekerja akan mengubah persepsi dan motivasi guru untuk bekerja, dan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi prestasi kerja guru di sesebuah sekolah.

Dari satu sudut yang lain pula, Dasar Pembangunan Sumber Manusia Negara telah diperkenalkan. Dasar ini menekankan kepada usaha memberikan latihan semula secara berterusan kepada pekerja. Melalui pemberian latihan semula secara berterusan kepada pekerja, ianya bukan sahaja akan melahirkan tenaga pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran, tetapi juga diharap agar dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan produktiviti di dalam organisasi seterusnya meningkatkan daya saing tenaga kerja di pasaran antarabangsa. Oleh itu, bidang pengurusan, sains dan teknologi, pendidikan dan penyelidikan mestilah memerlukan tenaga kerja yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi (Goh Geok Poh et.al, 2013).

Kebelakangan ini, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar. Peranan mereka telah banyak berubah, dari seorang penyampai maklumat kepada seorang pemudah cara, jurulatih dan juga fasilitator. Arfah (1992) menganggap bahawa peranan guru sebagai seorang 'dispenser of knowledge' telah berubah kepada 'facilitatorship' kepada para pelajar untuk belajar. Pandangan ini disokong oleh Mogana (1994) dalam Khoo (1997) yang menekankan bahawa seiring dengan perkembangan semasa, guru-guru perlu memastikan pengetahuan dan kemahiran metodologi mereka sentiasa dipertingkatkan sehingga ke tahap yang lebih tinggi dan dihormati. Nilai intelektual guru perlu sentiasa dipertingkat kerana mereka merupakan agen perubahan dalam menghasilkan modal insan yang diperlukan negara pada masa hadapan. Demi mencapai matlamat tersebut, prestasi kerja guru haruslah berada pada tahap yang cemerlang dan boleh dibanggakan.

Banyak pihak seringkali mengaitkan prestasi kerja guru dengan aspek pencapaian skor dan kemenjadian murid semata-mata. Hakikatnya,

ramai yang terlepas pandang bahawa prestasi kerja guru sebenarnya bukan diukur semata-mata dari kuantiti murid yang mencapai gred A+, tetapi turut merangkumi kemenjadian murid dari segi kehadiran, penglibatan, kecekapan, kepimpinan, sikap bertanggungjawab dan nilai-nilai murni yang lain

Ramai pentadbir sekolah memberikan skor prestasi yang rendah kepada guru-guru atas alasan mereka tidak mencapai sasaran kerja tahunan (KPI). Dalam masa yang sama, guru-guru juga merungut kerana diberikan skor prestasi yang rendah sedangkan mereka mendakwa sudah bekerja sehabis baik. Ini adalah cabaran yang dilalui pendidik di sekolah.

Kebelakangan ini ramai yang mula mempersoalkan prestasi guru. Ada pendapat yang mengatakan bahawa ramai guru sudah hilang semangat dan motivasi untuk mengajar. Mengajar tidak lagi dianggap mampu memberikan kepuasan kerja. Anehnya apabila persoalan itu diajukan kepada khalayak guru dan sebahagian besar dari mereka tidak pula menafikannya. Ini mungkin terjadi akibat daripada pelbagai undang-undang yang dikuatkuasakan lebih memihak kepada murid-murid dan ibu bapa dimana guru tidak boleh sewenang-wenangnya untuk mendenda anak-anak murid yang melakukan kesalahan berbanding 20 tahun yang lalu. Ini menjadikan murid dan ibu bapa lebih berkuasa dari guru sehingga ada diantara mereka yang mengugut guru dan merosakkan harta guru tersebut.

Kajian ini berpendapat bahawa terdapat banyak faktor yang menjadi penyumbang terhadap motivasi, kepuasan kerja dan prestasi seseorang guru. Mungkin kita boleh bersetuju dengan apa yang disenaraikan oleh Kopelman (1990) bahawa antara faktor-faktornya adalah latihan, kebolehan dan kemahiran, struktur organisasi, ganjaran, nilai kerja, sokongan, perhubungan, suasana tempat kerja, sumber yang sedia ada dan pengaruh persekitaran.

KESIMPULAN

Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa guru merupakan tunjang dan penggerak utama bagi menjayakan misi dan visi pendidikan negara. Ini adalah kerana profesion perguruan merupakan agen utama dalam proses penyerapan ilmu pengetahuan kepada individu dan masyarakat. Dalam era globalisasi, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar bagi melahirkan pelajar yang berkualiti

khususnya dalam memperkasakan jati diri. Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan memastikan semua guru menjalani pelbagai kemahiran dan latihan yang sesuai mengikut arus globalisasi masa kini. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji amat menekankan kepentingan etika dan amalannya dalam kalangan guru dalam profesion perguruan. Ini adalah kerana guru merupakan contoh terbaik atau role model kepada bukan sahaja para pelajar malah masyarakat secara umumnya. Kajian ini menyimpulkan bahawa guru perlu dibentuk dengan baik sebelum mereka dapat membentuk orang lain.

RUJUKAN

- Noor Shah Saad, Zulkifly Mohamed, Nor'ain Mohd Tajuddin, Muzirah Musa & Lim Kian Boon (2010). Standard Pengajaran Matematik: Mempertingkatkan Kualiti Pengajaran Guru Matematik Di Sekolah-Sekolah Malaysia. Tesis diterbitkan hasil geran penyelidikan jangka pendek universiti (04-15-0019-08), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), Belajar Cara Belajar, Kuala Lumpur, Pusat Perkembangan Kurikulum
- Dr Ragbir Kaur Joginder Singh (PHD) (2012). Panduan Ilmu Pendidikan Untuk: DPLI Falsafah dan Etika, Kumpulan Budiman Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Maszuria A. Ghani, Salina Omar, Marina H. A. Majid, Hjh Rosnah A. Rajak (2015). Guru & Cabaran Semasa. Siri Teks Profesional IPG, IPG
- Dr Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon (2015). Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional. Sasbadi Sdn Bhd, Petaling Jaya.
- Wan Zah, W. A. Sharifah Kartini, S.H. Habshah, I. Ramlah, H. Mat Rofa, I. Mohd Majid, K. & Rohani A.T (2005) Kefahaman Guru Tentang Nilai Matematik. Jurnal Teknologi Universiti Teknologi Malaysia. 43 (E) Dis. 2005: 45-62.
- Jaya Kumar C. Koran (2001), Amalan Guru Dalam Pembelajaran Di Sekolah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Vol. 3, No 2
- Rashid, Rasidah and Yeo, Kee Jiar (2007), Hubungan antara Gaya Pembelajaran Dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia
- Jalaludin Rakhmat, (2003), Psikologi Komunikasi, Jurnal Psychology
- Keke T. Aritonang, (2008), Minat & Motivasi Dalam Meningkatkan Hasil Pembelajaran, Jurnal Pendidikan Penabur, No.10.

52 | Etika Dan Tanggungjawab Pendidik Dalam Profesion Perguruan Dan Cabaran Pendidik Masa Kini

I Wayan Santyasa, (2007), Model-Model Pembelajaran Inovatif, Vol 4, ms 1-16

Sarimah Ismail & Abreza Atan, (2011), Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah Dalam pengajaran Mata Pelajaran Teknikal dan Vokasional di Fakulti Pendidikan UTM, Journal of Educational Psychology and Counselling, Vol. 2, pp 113-144

*Nurlina Mohd Puad
Calon Master Sains Sarjana Falsafah Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
Malaysia*

*Mohd Daud Awang
Prof. Madya,
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
Malaysia*

*Ahmad Nasir Mohd Yusoff
Pensyarah Kanan,
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
Malaysia*